

**Umno Pulau Pinang Mahu Mainpp Siasat Khatib Doa Gulingkan Kerajaan Pusat
Bernama
24 Jun, 2012**

BUKIT MERTA JAM, 24 Jun (Bernama) -- Umno Pulau Pinang mahu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyiasat berhubung seorang khatib yang dikatakan mendoakan supaya Kerajaan Pusat digulingkan dalam Pilihan Raya Umum ke-13, ketika menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Taman Guar Perahu dekat sini, Jumaat lepas.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang Datuk Musa Sheikh Fadzir berkata tindakan khatib itu boleh memecah-belahkan umat Islam dan perbuatannya juga dianggap menghasut.

Beliau berkata tugas seorang khatib adalah menyampaikan nasihat daripada segi agama dan bukan mencampur-adukkan politik dengan agama terutama di rumah suci Allah itu.

"Jika beliau (khatib) hendak berceramah politik, buatlah di luar...bukan dalam masjid. Perbuatannya jelas menunjukkan ada agenda politik. Jadi saya minta MAINPP siasat kerana inilah khatib yang boleh memecah-belahkan umat Islam dan orang Melayu.

"MAINPP perlu bersikap adil dan mengambil tindakan tegas dalam menangani perkara ini. Takkan nak biar khatib gunakan masjid untuk politik," katanya ketika ditemui pada Program Juara Rakyat 'Himpunan Anak Muda' Bahagian Bukit Mertajam di Padang Awam Cherok Tokun, di sini Ahad.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675363>